

04 AUG 2002

Syed Hamid-Pelaburan

KEPERLUAN PENYELARASAN PELABURAN DI PERINGKAT WTO, KATA SYED HAMID

MELAKA, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia akan menyuarakan pandangan dan berbincang di forum-forum antarabangsa, termasuk Organisasi Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai keperluan penyelarasan pelaburan oleh syarikat korporat asing di sesebuah negara.

Beliau berkata sekiranya semua peraturan mengenai pelaburan di sesuatu negara itu digunapakai tanpa melihat aspek keupayaan negara berkenaan, ianya akan mewujudkan suasana pelaburan ekonomi yang tidak seimbang.

"Saya tengok perkembangan keamanan rantau dan dunia di masa akan datang lebih banyak tertumpu dan bergantung kepada pembangunan ekonomi yang memainkan peranan utama," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada bengkel mengenai keganasan dan peranan golongan muda di sini hari ini.

Bengkel empat hari itu yang dianjurkan oleh Yayasan Belia Dunia (WYF) dan kerajaan negeri Melaka dihadiri lebih 200 peserta dari 18 buah negara.

Syed Hamid diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lepas bahawa sebuah negara kaya berjaya menghalang sebuah perbadanan daripada melabur di Malaysia dengan menawarkan insentif AS\$200 juta (RM760 juta) untuk melabur di negara berkenaan.

Dr Mahathir tidak menamakan negara itu.

Syed Hamid yang juga enggan menamakan negara berkenaan berkata pendedahan Dr Mahathir itu merupakan cetusan buah fikiran Perdana Menteri yang perlu dilihat secara serius.

Beliau berpendapat perlu wujud satu mekanisme yang saksama dalam menawarkan insentif pelaburan supaya tidak wujud keadaan iaitu semua pelaburan akan pergi ke satu negara sahaja.

"Kita tak boleh menggunakan pendekatan untuk 'memujuk' -- menarik minat dengan menawarkan pelbagai perkara yang boleh memburukkan peluang negara lain," katanya.

Syed Hamid berkata negara-negara seperti Myanmar, Vietnam, Kemboja dan Laos yang telah dipinggir serta diketepikan hak untuk menerima pelaburan kerana wujud suasana tidak seimbang dalam menarik pelaburan langsung asing.

"Dengan tawaran yang keterluan beserta insentif yang diberikan oleh sesuatu negara itu, ia akan menafikan keupayaan kita dan negara lain untuk menarik pelaburan," katanya lagi.

Syed Hamid berkata pasaran bebas tidak bermakna sesebuah negara kaya lain menafikan hak negara membangun dalam merebut pelaburan langsung asing.

Mengenai isu keganasan, beliau berkata sejak peristiwa serangan pengganas pada 11 Sept lepas, pendekatan Malaysia ialah untuk bersungguh-sungguh dalam menangani keganasan dan mempunyai mekanisme dalam membendungnya.

Beliau berkata pendekatan Malaysia itu dilihat sebagai positif oleh Amerika Syarikat dan Australia yang ingin mengadakan kerjasama serta menandatangani deklarasi keamanan dengan negara ini.

-- BERNAMA

NO ROS